

13 AUG 2002

MIJBC-TINDAKAN/I

MAJLIS PERNIAGAAN MALAYSIA-INDONESIA TERIMA PELAN TINDAKAN

KUALA LUMPUR, 13 Ogos (Bernama) -- Majlis Perniagaan Bersama Malaysia-Indonesia (MIJBC) yang baru dibentuk, telah menerima satu pelan tindakan bagi meningkatkan hubungan perniagaan dua hala.

Pengerusi bersamanya, Tan Sri Dr Ahmad Sarji Abdul Hamid, berkata enam jawatankuasa kecil telah ditubuhkan yang meliputi sektor perbankan dan kewangan, pertanian dan perladangan, teknologi maklumat dan komunikasi, prasarana, sumber manusia, dan perdagangan.

Dalam satu kenyataan di sini hari ini, beliau berkata forum perniagaan juga akan sering diadakan sebagai sebahagian daripada pelan tindakan itu bagi membolehkan ahli-ahli perniagaan dari kedua-dua pihak bertukar idea.

MIJBC ditubuhkan dengan rasmi pada satu majlis yang dihadiri oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan Presiden Indonesia Megawati Sukarnoputri di Bali, Indonesia baru-baru ini.

Ahmad Sarji berkata di mesyuarat pertama MIJBC, beberapa masalah dan isu kritikal yang dihadapi pelabur Malaysia di Indonesia telah dibincangkan. Penyelesaian isu-isu ini telah dijadikan keutamaan oleh majlis tersebut, tambahnya.

Beliau berkata sebuah sekretariat akan mengumpulkan semua isu dan menyerahkan satu memorandum ke pejabat Naib Presiden Indonesia dan Timbalan Perdana Menteri Malaysia untuk diselesaikan isu-isu tersebut.

Memorandum yang serupa juga akan diserahkan kepada Suruhanjaya Bersama Malalaysia Indonesia.

Sementara itu, Ahmad Sarji berkata majlis tersebut telah menggesa untuk disemak semula Perjanjian Jaminan Pelaburan Malaysia-Indonesia yang sedia ada untuk meningkatkan tahap keselamatan pelaburan. Sebarang masalah mengenainya harus di bawa ke Pusat Serantau Bagi Arbitrasi. -- BERNAMA

SM SD JR